

21/7/2015
ms 38


Imunisasi tingkat ketahanan badan lawan penyakit

Vaksin dicipta berkurun lalu dan digunakan di seluruh dunia untuk mencegah penyakit berjangkit serius, yang boleh menyebabkan kecacatan kekal atau kematian.

Di Malaysia, vaksin yang diwajibkan dalam program imunisasi kanak-kanak bawah umur setahun termasuk BCG, Hepatitis B, Polio, Tetanus, Difteria, Pertusis atau batuk kokol, campak-beguk-rubella, Hemofilus Influenza dan Japanese Encephalitis khusus di Sarawak.

Vaksin disuntik untuk merangsang pembentukan antibodi khusus terhadap penyakit tertentu. Suntikan vaksin berbeza menimbulkan pertahanan terhadap penyakit berbeza. Suntikan diberikan pada tahap umur tertentu kerana

“
Program imunisasi berjaya menurunkan risiko”



Suntikan vaksin ke atas kanak-kanak penting kerana antibodi melawan penyakit dalam diri mereka masih lemah. [GAMBAR HIASAN]

FORUM
Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: **bhforum@bharian.com.my**

boleh menyebabkan lumpuh sepanjang hayat, campak yang boleh mengakibatkan radang otak dan kematian serta Pertusis yang boleh menyebabkan gangguan

kajian mendapati kanak-kanak berisiko tinggi dijangkiti sesuatu penyakit pada tahap umur berkenaan. Tindak balas meningkatkan antibodi juga adalah terbaik pada peringkat umur itu.

Umumnya, pemberian vaksin adalah selamat kerana pelbagai tahap ujian keselamatan dan keberkesanan sudah dilakukan. Setelah digunakan, vaksin terus dipantau dari semasa ke semasa.

Berjuta penduduk dunia dilindungi daripada pelbagai penyakit berjangkit berbahaya. Kesan perlindungannya jauh lebih penting daripada kesan sampingan yang biasanya terbatas kepada kesan ringan seperti demam dan sakit atau bengkak di tempat suntikan.

Ada dua jenis vaksin. Pertama mengandungi virus atau bakteria yang dihidupkan di makmal tetapi kemudian dimatikan. Vaksin ini merangsang peningkatan antibodi. Umumnya jenis ini me-

penyebaran penyakit berjangkit berbahaya"

merlukan beberapa kali suntikan untuk menimbulkan perlindungan mencukupi.

Jenis kedua ialah vaksin yang mengandungi bakteria atau virus hidup tetapi dilemahkan, yang seterusnya selepas disuntikkan membiak di dalam badan dengan keadaan perlahan tanpa memudaratkan, tetapi meningkatkan pengeluaran antibodi oleh badan. Daya pertahanan yang dihasilkan biasanya lebih tinggi.

Tingginya kadar penerima vaksin melalui program imunisasi berjaya menurunkan risiko penyebaran penyakit berjangkit berbahaya. Imunisasi selain meningkatkan ketahanan individu juga meningkatkan daya tahan sesuatu komuniti seperti dinding pertahanan.

Dinding ini akan terpecah apabila ramai orang dalam komuniti itu tidak mendapat suntikan imunisasi. Mereka mungkin pekerja

atau pendatang asing tanpa izin yang tidak pernah mendapat imunisasi di negara asal mereka. Peningkatan pergerakan penduduk ke luar dan kembali ke dalam negara juga dapat menyumbang seandainya mereka pergi ke negara yang mana sesuatu penyakit masih endemik.

Abai suntikan imunisasi

Akhir-akhir ini, ada yang memandang ringan kepentingan imunisasi apabila ada ibu bapa tidak membawa bayi mereka untuk mendapatkan suntikan imunisasi sepatutnya. Alasan yang sering dikemukakan adalah kekhawatiran mengenai keselamatan penggunaan vaksin yang dikaitkan dengan masalah perkembangan otak terutama autisme.

Pada tahun 1998, sebuah penerbitan jurnal perubatan ternama, *Lancet*, menerbitkan satu laporan mengenai 12 kanak-kanak yang mempunyai masalah perkembangan otak, termasuk au-

tisme yang kebetulan menerima suntikan vaksin campak-beguk-rubella (MMR).

Ia hanyalah laporan biasa dan bukan hasil kajian klinikal. Malangnya kerana hebahan media berlebihan, ramai ibu bapa tersalah erti dan menganggap suntikan vaksin MMR boleh menyebabkan autisme. Sejak itu banyak penelitian dijalankan membabitkan ratusan ribu kanak-kanak. Semua hasil kajian tidak menunjukkan ada kaitan antara autisme dan suntikan vaksin MMR.

Sepuluh daripada 12 doktor yang terbabit dengan penerbitan *Lancet* menarik balik laporan mereka yang menimbulkan kekeliruan itu. Malah penulis utama laporan telah dikeluarkan dari senarai keahlian perubatan.

Ramai beranggapan penyakit berkenaan sudah tiada lagi maka mereka memandang ringan keperluan imunisasi. Mereka hampir tidak pernah melihat komplikasi penyakit seperti polio yang

pernafasan, sawan dan kerosakan otak juga kematian.

Berjaya kawal penyakit

Kejayaan program imunisasi seluruh dunia membuatkan banyak penyakit jarang ditemukan. Namun tidak mungkin ia boleh tersebar dan menimbulkan ancaman semula akibat terpecah dinding pertahanan dalam komuniti.

Kanak-kanak adalah kumpulan yang mempunyai daya kekebalan paling lemah terhadap serangan penyakit dalam sesuatu komuniti. Apalagi jika tidak mendapat imunisasi dan berada dalam komuniti dengan 'firewall' lemah.

Ramai juga ibu bapa terpedaya dengan teori konspirasi serta isu halal haram dalam penggunaan vaksin sehingga selain tidak membawa anak untuk menerima imunisasi, mempengaruhi pula ahli keluarga serta rakan lain untuk menyokong gerakan mereka.

Dr Zalilah Abd Manan,
Pegawai Perubatan Swasta